

# Beri sumbangan tak perlu tunjuk mewah, elak pembaziran

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan agar perbelanjaan kerajaan diguna dengan lebih berhemat dan tidak untuk perkara yang kurang bermanfaat.

Menggalak membuat kebajikan dengan memberi sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik, Perdana Menteri bagaimanapun menegur kadangkala perkakasan digunakan dilihat berlebih-lebihan.

“Saya perhatikan juga ada perkakasan yang berlebih-lebihan, kotak sangat indah nak isi kurma untuk beri kepada orang. Kalau harga kotak lebih mahal daripada harga kurma, jadi itu satu pembaziran. Nak campak ke mana (kotak itu)?

“Jadi, lebih baiklah hal ini kita perhatikan. Tak perlu sangat nak menunjuk kemewahan kerana dana itu boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada yang lebih memerlukan. Itu saya ingatkan kepada semua.

“Apa lagi menjelang Aidilfitri, ada persaingan memberikan kotak yang lebih cantik,” katanya ketika berucap pada majlis per-

jumpaan Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Perdana Menteri turut menekankan kepentingan memperku-kuh dimensi kerohanian sepanjang Ramadan, bukan hanya melalui ibadah kepada Allah tetapi juga dengan memupuk integriti, disiplin dan kejujuran dalam kehidupan seharian.

“Ramadan ini seharusnya masa untuk kita lebih insaf dan berusaha menyampaikan bantuan kepada masyarakat kurang bernasib baik, bukan sekadar memewahkan acara iftar dan kegiatan kita,” katanya.

Anwar juga mahu Ramadan dijadikan sebagai bulan membudayakan pembacaan, pemahaman dan penghayatan al-Quran, sesuai dengan peranannya sebagai petunjuk kepada manusia.

“Ramadan adalah bulan turunnya al-Quran, yang menjadi panduan untuk menentukan pertimbangan antara yang baik dan buruk. Maka, marilah kita semua mengambil kesempatan untuk mendalami dan mengamalkan ajaran al-Quran,” katanya.